



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **PROGRAM**

**PROGRAM ADVOKASI KANAK-KANAK: KASIH KANAK-KANAK**

## **LOKASI / TARIKH / MASA**

**SMK AGAMA, SIBU  
3 OGOS 2024 (SABTU)  
11.30 PAGI**

*Kemaskini 2 Aug 2024*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan inayahNYA, kita dapat berkumpul dalam **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-kanak di SMK Agama, Sibul** pada pagi ini.
2. Objektif kita dalam penganjuran program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak adalah untuk:

- Meningkatkan kefahaman kanak-kanak tentang situasi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.
- Memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang tindakan yang boleh diambil oleh ibu bapa, penjaga, kanak-kanak sendiri atau komuniti apabila terlibat dengan kes tersebut.

- Memberi peluang kepada Pasukan Pelindung Kanak-Kanak (PPKK) untuk lebih mengenali kanak-kanak di kawasan masing-masing agar dapat memainkan peranan dan tanggungjawab sebagaimana yang telah digariskan dalam Garis Panduan PPKK dan PAKK.
3. Tahukah anda yang setiap anak di Malaysia berhak untuk dilindungi dan hidup dengan aman? Kita juga mempunyai undang-undang khusus di Malaysia yang menjaga hak kanak-kanak. Terdapat **empat hak utama** yang penting bagi kanak-kanak seperti:

- a. hak untuk hidup,
- b. perlindungan,
- c. perkembangan,
- d. penyertaan.

4. Oleh itu, **sekiranya mana-mana empat hak ini tidak diberikan atau dijaga, adik-adik semua sebagai kanak-kanak, mempunyai hak untuk menyuarakan dan meminta bantuan daripada orang dewasa, seperti cikgu, ibu bapa atau jiran.**

5. Kalau ada yang perlu bantuan, kalau anak-anak rasa tak pasti, kalau anak-anak rasa tak berani, jangan malu dan jangan takut nak minta tolong. **Boleh call nombor 15999 (Satu – Lima – Sembilan – Sembilan – Sembilan)**. Boleh ulang tak bersama saya? 15999. Bagus, terima kasih.
  
6. Ingat, kita semua ada hak untuk dilindungi. Jaga diri dan kawan-kawan kita! Kalau ada kawan yang susah atau tidak selamat, cepat-cepat beritahu orang dewasa yang boleh membantu.

## **Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kanak-Kanak**

Puan-puan dan Tuan-Tuan,

7. Masyarakat harus tahu apa yang perlu dilakukan jika tahu ada kanak-kanak yang mengalami penderaan atau pengabaian. Jika melihat sesuatu yang mencurigakan, laporkan segera kepada polis atau Talian Kasih di 15999. Jangan hanya rakam video untuk media sosial, tapi laporkan kepada kami.



## **Penghargaan**

Puan-Puan dan Tuan-Tuan sekalian,

8. Saya bagi pihak KPWKM berharap kehadiran puan-puan dan tuan-tuan serta setiap anak murid dapat membantu dalam meningkatkan keselamatan anak-anak kita semua dari aspek mental dan fizikal.
9. Besar harapan KPWKM juga agar kita bersama-sama mencari solusi yang tepat dalam mengatasi

permasalahan sosial berkaitan kanak-kanak serta menjaga keselamatan dan melindungi kanak-kanak agar dapat mengekang peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak pada masa hadapan.

10. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Urus Setia, JKM Negeri Sarawak dan JKM Bahagian Sibul di atas penganjuran program ini dan jutaan terima kasih kepada semua yang dapat hadir bersama pada hari ini.

11. Terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang sudi berkolaborasi dengan kami di KPWKM dan JKM dalam realisasikan program ini dengan penuh jaya.

## **PENUTUP**

12. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam program ini. Semoga pertemuan kita ini memberikan suntikan semangat kepada anda semua

dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak akan terus diberi keutamaan.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Peringkat Negeri Sarawak.**

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**3 Ogos 2024**